

D474

U B227 AAB
MAHATHIR - ISLAM

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM YANG DITEKANKAN OLEH KERAJAAN SELAMA INI LEBIH MENGUTAMAKAN KEPADA PENGHAYATAN KEIMANAN SESEORANG DARIPADA MENGADAKAN PERATURAN-PERATURAN KETAT UNTUK UMAT ISLAM MENGIKUTINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEISLAMAN TIDAK HARUS DIUKUR MENGIKUT ADA ATAU TIDAKNYA SESUATU PERATURAN ITU DALAM MASYARAKAT KERANA MALAYSIA SENDIRI TELAH MENERAP NILAI ISLAM SEHINGGA TIDAK MEMERLUKAN UNDANG-UNDANG YANG MENEGAH MEREKA MEMBUAT SESUATU YANG DILARANG OLEH AGAMA.

SESEORANG YANG TERDEDIAH KEPADA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM TIDAK AKAN MEMBUAT SESUATU YANG DILARANG OLEH AGAMA WALAUPUN KETIKA ITU MEREKA BERADA DI LUAR NEGARA, KATANYA SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

KATANYA, DALAM NEGARA YANG BERBILANG KAUM DAN AGAMA, APA YANG PENTING IALAH MENENTUKAN IMEJ ISLAM YANG MULIA BUKAN SAHAJA DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM TETAPI JUGA KAUM LAIN SERTA SERTA DUNIA LUAR.

+GAMBARAN YANG DIBERI OLEH MEDIA ASING TENTANG ISLAM LAZIMNYA TIDAK BAIK DAN KITA TIDAK BOLEH MEMBETULKAN GAMBARAN ITU MELAINKAN DENGAN MEMBUKTIKAN ISLAM SEBENARNYA AGAMA YANG BAIK, BERJAYA SEBAGAI PEMERINTAH, TIDAK MENINDAS DAN MENEKAN MANA-MANA PIHAK SERTA MAMPU MEMBANGUNKAN NEGARA DENGAN SEMPURNA+. -- LAGI

2113MST 19 11 89

U B228 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MASYARAKAT DARI NEGARA ISLAM YANG TERKENAL DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAMNYA SETELAH DIUJI TERNYATA GAGAL APABILA TERDEDIAH KEPADA PERKARA YANG DILARANG YANG SELAMA INI TIDAK BERADA DI HADAPAN MEREKA.

PADA HAKIKATNYA, TAHAP KEISLAMAN SESEORANG ITU TIDAK BOLEH DINILAI OLEH SESEORANG ISLAM YANG LAIN DARI PEMAKAIAANNYA TETAPI SEBALIKNYA DARIPADA SEGI PENGHAYATAN DAN KEIMANAN, KATANYA.

SESIAPAPUN SEBENARNYA TIDAK BERHAK BUAT MENILAI KEISLAMAN SESEORANG YANG LAIN,+ KATANYA YANG DISAMBUK DENGAN TEPUKAN PARA PERWAKILAN.

KATANYA: +JIKA SESEORANG ITU HENDAK PAKAI (MINI TELEKUNG), PAKAILAH TETAPI JANGAN KATA ORANG YANG TIDAK PAKAI ITU KURANG ISLAM DARIPADA MEREKA SENDIRI+.

+KADANGKALA KITA TIDAK BOLEH KATA ORANG YANG SEMBAHYANG ITU LEBIH ISLAMNYA DARIPADA ORANG YANG TIDAK SEMBAHYANG KERANA MUNGKIN ORANG YANG TIDAK SEMBAHYANG ITU LEBIH BAIK AKHLAKNYA DARI MEREKA YANG SEMBAHYANG,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA JANGAN TERLALU CEPAT MEMBUAT ANDAIAN KERANA SIKAP MEMBEZA-BEZAKAN SESEORANG ITU DENGAN MENGIKUT PENILAIAN SENDIRI HANYA AKAN MEMBAWA KEPADA PERBALAHAN DAN PERPECAHAN DI KALANGAN MEREKA. -- BERNAMA

2115MST 19 11 89